

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RPE 445 - Sejarah Perancangan

Tarikh: 4 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan. **Soalan SATU adalah wajib**

1. Pilih salah sebuah ibu negri di Malaysia yang belum mempunyai Pelan Struktur dan senaraikan pengaruh-pengaruh perancangan luar yang dapat dikesan daripada bentuk dan corak pembangunan fizikalnya. Jelas dan nyatakan asal usul pengaruh-pengaruh ini.

( 25 markah )

PILIH soalan **DUA** atau **TIGA**

2. Apakah yang menjadi fokus perancangan Islam? Tunjukkan bagaimana ini dicapai dengan membincangkan pendekatan yang telah digunakan di dalam perancangan bandar-bandar Islam?

( 20 markah )

3. Terdapat cendiakawan-cendiakawan yang mengatakan bahawa bandar-bandar Islam sebenarnya tidak terancang. Ini ialah kerana jalan-jalannya yang berbelit-belit dan tidak terarah. Buktikan bahawa sebenarnya keadaan ini ialah hasil dari pendekatan perancangan Islam yang unik.

( 20 markah )

PILIH soalan EMPAT atau LIMA

4. Berapa jenis bandarkah yang telah dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip Islam? Jelaskan perbezaan-perbezaan di antara bandar-bandar ini?

( 10 markah )

5. Kenapakah bandar-bandar Islam tidak menumpukan kepada pembinaan tugu-tugu seperti yang diamalkan di bandar-bandar lain?

( 10 markah )

6. Apakah yang telah berlaku kepada bandar-bandar di Barat pada Zaman Kegelapan?

( 10 markah )

7. Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Pembaharuan? Nyatakan kesan-kesan fizikal yang telah berlaku kepada bandar-bandar di Eropah pada zaman ini?

( 15 markah )

8. Siapakah yang dimaksudkan sebagai perancang-perancang Utopia? Bincangkan persamaan-persamaan yang terdapat pada amalan mereka ini dengan merujukkan kepada dua tokoh perancang Utopia dan hasil pemikiran mereka.

( 20 markah )

9. Apakah faktor yang dirasakan paling berkesan yang mempengaruhi rupabentuk bandar selepas Perang Dunia Kedua? Dengan menggunakan contoh-contoh yang khusus (nama bandar, jenis gunatanah, dll.) tunjukkan bagaimana faktor ini telah berjaya mencorakkan rupabentuk-rupabentuk bandar yang tersendiri.

( 20 markah )